

**KESAN PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM
PEMBELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN**

SITI HABIDAH BINTI OMAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2010

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**KESAN PENGGUNAAN KOMPUTER DALAM
PEMBELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN**

SITI HABIDAH BINTI OMAR

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN PERAKAUNAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010

PENGAKUAN

Saya akui ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 Mac 2010

Siti Habidah Binti Omar
M20072000651

Untuk Arwah Ayah dan Ibu, Suami dan anak-anak tersayang

*Allahyarham Omar Bin Jusoh
Wan Zaharan binti Wan Hassan*

*Mohd A'sri Bin Abdul Ghani
Muhammad Asyraaf
Siti Hajar
Siti A'isyah
Siti Sofia*

*Dengan doa serta sokongan dan kasih sayang kalian memberi kekuatan dan membantuku
dalam menghadapi arus kehidupan sehingga kini.*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia Nya maka tesis Sarjana Pendidikan (Perakaunan) yang bertajuk “Kesan Penggunaan Komputer dalam Pembelajaran Prinsip Perakaunan” ini telah dapat dihasilkan.

Banyak pihak yang telah bekerjasama dalam proses penghasilan tesis ini. Kepada semua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga. Kepada Prof. Madya Dr. Khalid bin Ismail selaku penyelia utama, serta Dr Norlia binti Mat Norwani penyelia bersama terima kasih tidak terhingga saya ucapkan kerana banyak membimbing dan memberi dorongan serta bertungkus lumus menyemak dan memberi buah fikiran yang amat berguna bagi memperbaiki mutu penulisan tesis ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Saudara Jefri di atas tunjuk ajar beliau dalam menghasilkan aktiviti pembelajaran interaktif dengan penggunaan program Excel. Tidak lupa juga penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberi kerja sama serta dorongan dalam menjayakan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan saya tujukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Pengetua, Guru Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma yang telah memberi kerjasama dan terlibat dalam penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Tajaan dan Basiswa serta Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini.

Akhirnya penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada suami dan anak-anak yang telah banyak berkorban dan sentiasa memberi dorongan dan pengharapan dan melaksanakan penyelidikan ini. Kerjasama daripada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu penyelidikan ini amatlah dihargai.

Siti Habidah binti Omar
No 1403 Batu 8 ¼
Jalan Bukit Pinang
06200 Alor Star
Kedah Darul Aman

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Keputusan Pilot Test 2007	10
1.2	Pencapaian Prinsip Perakaunan SPM 2007 Negeri Kedah Darul Aman	12
3.1	Reka Bentuk Eksperimen	90
3.2	Taburan pembahagian sampel kajian	101
3.3	Perbandingan Tahap Kognitif dalam Taxonomi Rainsbury dan Taxonomi Bloom	103
3.4	Analisis set ujian pencapaian mengikut aras kognitif taksonomi bloom	103
3.5	Indeks kesukaran soalan objektif	107
3.6	Cadangan Pemilihan item berdasarkan Indeks Kesukaran (K)	107
3.7	Cadangan pemilihan item berdasarkan indeks diskriminasi (D)	109
3.8	Indeks diskriminasi item objektif	110
3.9	Taburan item mengikut petunjuk pandangan pelajar terhadap penggunaan program Excel (Pembelajaran Interaktif)	112
3.10	Pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen	116
3.11	Keputusan kebolehpercayaan yang mengukur pandangan pelajar dalam soalan soal selidik	116
3.12	Pelan tindakan penyelidikan	120
3.13	Ringkasan prosedur bermula sebelum, semasa dan selepas kajian	122
3.14	Jadual Waktu Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	123
3.15	Jadual Pengendalian Kajian	124

3.16	Item Soal Selidik Penggunaan Program Excel dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	130
3.17	Kategori Tahap Perhubungan oleh Johnson dan Nelson (1986)	138
4.1	Taburan Responden mengikut Jantina	143
4.2	Taburan Responden mengikut Bangsa	144
4.3	Taburan Responden berdasarkan Keputusan Peperiksaan PMR	145
4.4	Taburan Responden berdasarkan Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama mengikut Gred	146
4.5	Taburan Responden berdasarkan Minat terhadap Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	147
4.6	Taburan Responden yang Mengikuti Kelas Tambahan	148
4.7	Taburan Responden yang Tinggal di Asrama	149
4.8	Taburan Responden yang Mengikuti Kursus Literasi Komputer	150
4.9	Taburan Responden berdasarkan Tahap Kemahiran Penggunaan Program Excel	152
4.10	Taburan Responden yang Mempunyai Komputer di Rumah	154
4.11	Taburan Responden mengikut Tahap Pendidikan Ibu dan Bapa	156
4.12	Taburan Responden mengikut Pendapatan Ibu Bapa dan Penjaga	157
4.13	Taburan Responden mengikut Tempat Tinggal	158
4.14	Taburan Responden mengikut Pemboleh ubah Minat	160
4.15	Perbandingan Minat Pelajar Sebelum dan Selepas Eksperimen	162
4.16	Taburan Skor Min Minat Responden	163

4.17	Taburan Responden mengikut Pemboleh ubah Mesra Pengguna	165
4.18	Taburan Skor Min Mesra Guna	166
4.19	Taburan Responden mengikut Pemboleh ubah Penguasaan	168
4.20	Taburan Skor Min Penguasaan	170
4.21	Taburan Responden mengikut Pemboleh ubah Keyakinan	172
4.22	Taburan Skor Min Mesra Guna	174
4.23	Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos bagi topik Penyediaan Penyata Kewangan (Selepas Pelarasan) kumpulan Eksperimen	178
4.24	Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos bagi topik Penyediaan Penyata Kewangan (Selepas Pelarasan) kumpulan Rawatan	179
4.25	Perbandingan Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Kumpulan Eksperimen	180
4.26	Perbandingan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Kumpulan Kawalan (Pembelajaran Tradisional)	182
4.27	Perbandingan Pencapaian Pelajar dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	184
4.28	Hubungan Minat dengan Peningkatan Pencapaian	185
4.29	Hubungan Mesra Guna dengan Peningkatan Pencapaian	187
4.30	Hubungan Penguasaan konsep dengan Peningkatan Pencapaian	188
4.31	Hubungan Penguasaan konsep dengan Peningkatan Pencapaian	189
4.32	Penyumbang Terhadap Peningkatan Pencapaian Pelajar: Analisis Regresi Berganda (Stepwise)	190
4.33	Analisis ANOVA	190

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Perhubungan di antara “Ingatan Deria” dengan “Ingatan Jangka Pendek” dan “Ingatan Jangka Panjang”	36
3.1	Kaedah Kajian	90
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	97
3.3	Prosedur Menjalankan Kajian	122

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Keputusan Pilot Test 2007	10
1.2	Pencapaian Prinsip Perakaunan SPM 2007 Negeri Kedah Darul Aman	12
3.1	Reka Bentuk Eksperimen	89
3.2	Taburan pembahagian sampel kajian	101
3.3	Perbandingan Tahap Kognitif dalam Taxonomi Rainsbury dan Taxonomi Bloom	103
3.4	Analisis set ujian pencapaian mengikut aras kognitif taksonomi bloom	103
3.5	Indeks kesukaran soalan objektif	107
3.6	Cadangan pemilihan item berdasarkan Indeks Kesukaran (K)	107
3.7	Cadangan pemilihan item berdasarkan indeks diskriminasi (D)	109
3.8	Indeks diskriminasi item objektif	110
3.9	Taburan item mengikut petunjuk pandangan pelajar terhadap penggunaan program Excel (Pembelajaran Interaktif)	112
3.10	Pekali kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen	116
3.11	Keputusan kebolehpercayaan yang mengukur pandangan pelajar dalam soalan soal selidik	116
3.12	Pelan tindakan penyelidikan	121
3.13	Ringkasan prosedur bermula sebelum, semasa dan selepas kajian	123
3.14	Jadual Waktu Kelas Eksperimen dan Kelas Kawalan	124
3.15	Jadual Pengendalian Kajian	125

3.16	Item Soal Selidik Penggunaan PEPI dalam Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	131
3.17	Kategori Tahap Perhubungan oleh Johnson dan Nelson (1986)	139
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	144
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	145
4.3	Taburan Responden berdasarkan Keputusan Peperiksaan PMR	146
4.4	Taburan Responden Berdasarkan Keputusan Peperiksaan Penggal Pertama Mengikut Gred	147
4.5	Taburan Responden Berdasarkan Minat Terhadap Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	148
4.6	Taburan Responden Yang Mengikuti Kelas Tambahan	149
4.7	Taburan Responden Yang Tinggal Di Asrama	145
4.8	Taburan Responden Yang Mengikuti Kursus Literasi Komputer	151
4.9	Taburan Responden Berdasarkan Tahap Kemahiran Penggunaan Program Excel	153
4.10	Taburan Responden Yang Mempunyai Komputer Di Rumah	155
4.11	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Ibu dan Bapa	156
4.12	Taburan Responden Mengikut Pendapatan Ibu Bapa dan Penjaga	158
4.13	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	159
4.14	Taburan Responden Mengikut Pemboleh ubah Minat	161
4.15	Perbandingan Minat Pelajar Sebelum dan Selepas Eksperimen	163
4.16	Taburan Skor Min Minat Responden	163

4.17	Taburan Responden Mengikut Pemboleh ubah Mesra Pengguna	165
4.18	Taburan Skor Min Mesra Guna	166
4.19	Taburan Responden Mengikut Pemboleh ubah Penguasaan	169
4.20	Taburan Skor Min Penguasaan	171
4.21	Taburan Responden Mengikut Pemboleh ubah Keyakinan	173
4.22	Taburan Skor Min Mesra Guna	175
4.23	Keputusan Pra Ujian dan Pasca Ujian bagi topik Penyediaan Penyata Kewangan (Selepas Pelarasan) kumpulan Eksperimen	178
4.24	Keputusan Pra Ujian dan Pasca Ujian bagi topik Penyediaan Penyata Kewangan (Selepas Pelarasan) kumpulan Tradisional	179
4.25	Perbandingan Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen	180
4.26	Perbandingan Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan (Pembelajaran Tradisional)	182
4.27	Perbandingan Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan	184
4.28	Hubungan Minat dengan Peningkatan Min Skor Pencapaian	185
4.29	Hubungan Mesra Guna dengan Peningkatan Min Skor Pencapaian	187
4.30	Hubungan Penguasaan konsep dengan Peningkatan Min Skor Pencapaian	188
4.31	Hubungan Keyakinan dengan Peningkatan Min Skor Pencapaian	189
4.32	Penyumbang Terhadap Peningkatan Pencapaian Pelajar: Analisis Regresi Berganda (Stepwise)	190
4.33	Analisis ANOVA	190

ABSTRAK

Penggunaan komputer dalam bidang pendidikan menjadi semakin penting dan telah menunjukkan kesan yang begitu mengagumkan. Pada umumnya pelajar dapat membina daya kreativiti dan inovasi disamping cekap menggunakan teknologi di dalam suasana pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk membandingkan kesan penggunaan Program Excel (Pembelajaran interaktif) dengan pembelajaran tradisional dalam pendidikan Prinsip Perakaunan, dengan melihat kesan terhadap prestasi pelajar. Kajian ini juga mengenal pasti persepsi pelajar terhadap keberkesanan pelaksanaan penggunaan Program Excel (Pembelajaran Interaktif) terhadap minat, penguasaan konsep dan keyakinan pelajar terhadap Prinsip Perakaunan. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini berbentuk kuasi eksperimen yang berlangsung selama lapan minggu dan melibatkan seramai 60 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma, Alor Star, Kedah. Pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan pembelajaran iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Selepas melakukan proses pembelajaran, pelajar telah diberi ujian penilaian. Instrumen soal selidik diberikan kepada kumpulan eksperimen. Analisis Ujian-t menunjukkan pencapaian kumpulan eksperimen lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan. Dapatan kajian juga telah menunjukkan persepsi pelajar terhadap eksperimen adalah positif serta dapat meningkatkan minat, penguasaan konsep dan keyakinan pelajar terhadap mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Hasil kajian turut menunjukkan penggunaan Program Excel dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan diantara minat, mudah mesra, penguasaan dan keyakinan dan pencapaian pelajar.

ABSTRACT

The application of computer in education has become very important and has a great impact in teaching. Students can develop their creativity and innovative strength and also becoming more skillful in using technology with more interactive and enjoyable learning environment. The main purpose of the study is to compare the using of Excel Program (interactive learning) to the traditional approach in the teaching and learning of accounting on academic performance. The study also identifies students' perception regarding to the effectiveness of the implementation of using Excel Program (interactive learning) on students' interest, skill and confidence on accounting subject. The method used in this study is quasi experiment involving 60 students from Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma, Alor Star Kedah. The students were divided into two groups; experiment group and control group. After learning sessions, the students were given achievement test. Questionnaires were delivered to experiment group. The t-test result shows that the academic performance of the experiment group is significantly higher compared to control group. The study also showed that the view of students about using the Excel Program (interactive learning) were positive. The finding showed that, the Excel Program (interactive learning) may help and support students to increase their interest, skill and confidence on accounting subject.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia berhasrat menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri iaitu mencapai keseimbangan daripada segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan menjelang tahun 2020. Malaysia kini berada pada peringkat pertengahan dan sedang memasuki fasa 15 tahun yang kedua ke arah mencapai Wawasan 2020. Pada 31 Mac 2006, YAB Perdana Menteri Datuk Sri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK Ke-9) dan memperkenalkan rangka kerja pelaksanaan baru iaitu Misi Nasional bagi mencapai wawasan dan matlamat dalam jangka masa 15 tahun akan datang.

Misi Nasional dan RMK ke-9 telah menetapkan “pembangunan modal insan kelas pertama” sebagai salah satu daripada lima teras utama ke arah mencapai Wawasan 2020. Pembangunan modal insan bertujuan untuk memastikan anak bangsa iaitu warga Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan dan kepakaran yang tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam pelbagai jenis pekerjaan. Aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Modal insan inilah yang merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai intelektualnya serta diperkaya modal budayanya (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).

Perkembangan teknologi maklumat serta penggunaan komputer membawa implikasi yang besar ke atas kehidupan manusia termasuklah bidang pendidikan. Ianya dapat membantu guru dan pelajar dalam proses pengajaran pembelajaran dengan lebih menarik dan interaktif. Teknologi maklumat kini berkembang dengan pesat di seluruh dunia. Ia adalah satu teknologi penggerak yang strategik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Malaysia juga tidak terkecuali menerima arus perubahan seiring dengan ledakan teknologi maklumat. Ini terbukti apabila pada 1 Ogos 1997 Koridor Raya Multimedia (MSC) dilancarkan dan ia dianggap sebagai satu senjata yang terbaru untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Menurut Hasani Hasan (1997), teknologi maklumat memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan negara. Malah ia merupakan satu komponen utama untuk berhadapan dengan cabaran penerokaan ilmu kelak. Menyedari hal ini maka pihak

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat perubahan dalam bidang pendidikan dengan mewujudkan konsep sekolah bestari iaitu salah satu daripada tujuh aplikasi perdana dalam MSC dan telah mula beroperasi pada tahun 1999 (Azamzairi, 1997).

Menyedari kepentingan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan, Malaysia telah mengorak langkah untuk memperkenalkan kesedaran dan literasi komputer kepada rakyatnya. Pada awal tahun 1980-an penubuhan kelab dan kelas komputer mula menular di negara ini. Selaras dengan itu juga pada tahun 1985, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan projek komputer literasi di dua puluh buah sekolah di kawasan luar bandar. Penekanan yang diberi telah beralih dari aspek mempelajari mengenai komputer kepada aspek penggunaan komputer sebagai suatu alat untuk membantu proses pembelajaran dan pengajaran di institusi pendidikan (Goh Keat Seng, 1987). Seterusnya pada 4 Januari 1989, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan satu rancangan Komputer Dalam Pendidikan (CIE) pada peringkat kebangsaan di mana salah satu tujuannya adalah untuk mengintegrasikan penggunaan mikrokomputer di peringkat sekolah (Hizamnudin, 1997).

Menurut James (1988), penggunaan komputer dalam bidang pendidikan boleh diklasifikasikan sebagai pembimbing (tutor), alat bantu (tool) atau tutee. Guru juga akan diberi latihan tentang kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan cara menggunakan teknologi yang dibekalkan. Menurut Zoraini Wati Abas (1994), penggunaan komputer akan menjadikan pelajar-pelajar mempunyai kemahiran berfikir secara kreatif dan dapat

meningkatkan kemahiran mereka dalam menyediakan diri dalam corak kehidupan pada abad dua puluh satu.

Pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer telah dapat dikenalpasti sebagai bahan yang dapat membantu guru dan pelajar di dalam kelas untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam mata pelajaran yang diikuti. Proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih kreatif dan menarik dengan adanya konsep multimedia interaktif dalam bahan pengajaran pembelajaran berbantuan komputer. Komputer multimedia dapat membantu menyelesaikan masalah teknologi seperti kemudahan untuk menyokong bunyi dan video serta animasi. Ini akan dapat menambahkan minat pendidik untuk menggunakan komputer di dalam bilik darjah. Multimedia akan dapat memberikan kesan yang menarik dalam bidang pendidikan dan komunikasi. Ianya juga dapat mengubah cara berfikir dan belajar dalam suatu bidang yang baru. Bermula dengan penggunaan teks dan grafik, diikuti dengan kombinasi bunyi dan video sehinggalah terhasil teknologi multimedia.

Komputer multimedia yang dilengkapi dengan peralatan projektor dapat menggantikan papan tulis, bertindak dengan lebih berkesan bagi urusan pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan komputer bukan sahaja menyelaraskan penyediaan asal bahan, tetapi juga menjadikannya lebih mudah untuk diubahsuai pada masa akan datang dan menyesuaikan menurut kehendak objektif pengajaran yang khusus. Adalah mudah dan cepat untuk menyemak dan menyunting semula bahan-bahan pengajaran

setelah selang masa yang lama dan menambahkan perkara yang baru sambil merujuk sumber-sumber yang baru.

1.2 Latar belakang kajian

Pendidikan Perakaunan di Malaysia bermula melalui penubuhan sekolah perdagangan dalam tahun 1920-an di Pulau Pinang (Gull, 1983; Sukumaran, 1984; 1991). Dalam tahun 1950-an, kerajaan mula mengambil berat tentang pendidikan perdagangan dengan mewujudkan mata pelajaran *Accounts and Arithmetic* bagi peringkat menengah atas. Berdasarkan Laporan Penyata Razak, bermula 1958, mata pelajaran tersebut dijadikan sebahagian mata pelajaran vokasional dengan nama *Principles of Accounts*. Pada tahun 1960-an, mata pelajaran *Commercial Studies* diperkenalkan di peringkat menengah rendah yang kemudiannya dikenali sebagai pengajian perdagangan (Arumugam, 1986).

Bermula tahun 1965, pendidikan perdagangan dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan kebangsaan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan untuk peringkat menengah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980) dengan nama perdagangan dan keusahawanan. Di peringkat menengah atas, pelajar akan melanjutkan pelajaran sama ada ke sekolah menengah biasa (sekolah menengah akademik) yang menawarkan jurusan sains atau sastera, sekolah menengah teknik yang menekankan mata pelajaran teknik atau sekolah menengah vokasional yang menekankan mata pelajaran vokasional. Di sekolah menengah akademik dan teknik, mata pelajaran Prinsip Akaun dan Perdagangan

merupakan dua mata pelajaran pilihan yang berasingan. Manakala di sekolah menengah vokasional, mata pelajaran Simpan Kira ditawarkan di bawah kursus Perdagangan dan lebih menekankan aspek amali berbanding dengan Prinsip Akaun (Arumugam, 1986).

Pada tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan sistem pendidikan negara secara keseluruhannya telah mengeluarkan satu laporan dan salah satu aspek yang disentuh adalah berkenaan dengan pendidikan perdagangan. Laporan itu mendapati bilangan pelajar di sekolah pengantar Bahasa Melayu yang mengambil jurusan perdagangan amat sedikit berbanding dengan pelajar di sekolah pengantar Bahasa Inggeris. Keadaan ini dikaitkan dengan masalah kekurangan guru Perdagangan.

Laporan ini dikukuhkan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Zaidatul Akmaliah dan Sharifah (1990) ke atas 372 orang guru perdagangan dan keusahawanan bagi 153 buah sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan tidak semua guru tersebut mempunyai kelulusan berkaitan dengan perdagangan dan keusahawanan. Dapatan tersebut juga menunjukkan bahawa terdapat juga guru yang merasakan aspek simpan kira adalah sukar.

Lanjutan daripada Laporan Kabinet itu, satu kurikulum baru iaitu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah digubal. Penyediaan kurikulum tersebut mengambil kira kesinambungan daripada Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan salah satu penekanan yang diberi adalah pendidikan perdagangan. Pelaksanaan KBSM dimulakan pada tahun 1989.

Peranan pendidikan Prinsip Perakaunan dapat dilihat dalam konteks setakat mana ia membantu memenuhi aspirasi negara melalui Wawasan 2020. Cabaran kesembilan di dalam Wawasan 2020 adalah “mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental” (Tajul Ariffin dan Nor’aini, 1992). Oleh itu, usahawan menjadi elemen penting di dalam mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya saing dalam ekonomi.

Bidang keusahawanan merupakan salah satu bidang yang membantu pertumbuhan ekonomi dari segi peluang pekerjaan. Apabila satu entiti perniagaan mula diwujudkan bermakna ia akan memberi peluang pekerjaan kepada individu-individu lain. Salah satu ciri penting bagi usahawan yang berjaya ialah memiliki pengetahuan dan kemahiran di dalam aspek perakaunan. Di antara aspek-aspek tersebut adalah mengira untung kasar dan untung bersih, menyimpan rekod-rekod kewangan, menguruskan modal kerja, mengira harga jualan produk, mentafsir penyata kewangan, menyediakan belanjawan operasi, menyediakan penyata kewangan, menyediakan penyata aliran tunai dan menyediakan rekod perbelanjaan dan hasil harian (Zaidatol Akmaliah dan Habibah, 1993).

Prinsip Perakaunan merupakan satu pengajian asas yang bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai akauntabiliti, berfikiran terbuka dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran komunikasi yang

baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan (Sukatan Pelajaran Prinsip Perakaunan, 2007).

Kurikulum Prinsip Perakaunan membolehkan murid-murid :

- Menghuraikan konsep dan kitaran perakaunan yang diamalkan dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan.
- Menyediakan satu set akaun yang lengkap untuk perniagaan milikan tunggal dan organisasi bukan perniagaan berdasarkan aktiviti perniagaan secara manual dan berkomputer.
- Mengaplikasikan prinsip pengurusan tunai.
- Membuat perbandingan dari aspek perakaunan bagi pemilikan perniagaan milikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi bukan perniagaan.
- Mengaplikasikan analisis volum untung untuk membuat keputusan.
- Menilai prestasi kewangan sesebuah perniagaan dengan menggunakan analisis nisbah asas.
- Mempamerkan kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, pengurusan dan kepimpinan serta etika profession dalam melaksanakan aktiviti perakaunan.
- Mampu menggunakan teknologi maklumat dalam bidang perakaunan.

(Sukatan Pelajaran Prinsip Perakaunan, 2007).

Projek international benchmarking LCCI & ACCA

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Educational Development International (EDI) pada tahun 2007 untuk menganugerahkan sijil London Chamber of Commerce and Industry (LCCI) Level 2 book-keeping and Accounts bagi calon Prinsip Perakaunan SPM sebagai nilai tambah kepada sijil SPM yang dianugerahkan. Di bawah adalah merupakan kronologi Projek international benchmarking LCCI & ACCA.

- Projek Dua Pensijilan atau International Benchmarking di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan badan kelayakan antarabangsa dan badan profesional perakaunan telah dimulakan pada bulan Jun 2006.
- Pada 17 Oktober 2006, mesyuarat pemetaan kurikulum telah dilaksanakan bersama dengan LCCI, ACCA dan MICPA (Malaysian Institute Chartered Public Accountants) di Putrajaya.
- Pada 25 Jun 2007, Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan LCCI, ACCA dan CBL (Computer Based Learning) telah dilaksanakan.
- Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia telah membuat pengumuman dalam majlis tersebut bahawa Projek Dua Pensijilan ini akan dilaksanakan pada 2008 dan SPM 2009. Pengumuman ini telah dilaporkan dalam akhbar utama iaitu The Star, NST dan Berita Harian bertarikh 26 Jun 2007.

Jadual Pelaksanaan telah ditetapkan seperti beriku:

- 2007 - Interim
- 2008 - Pelaksanaan (Tingkatan Empat)
- 2009 - Kohort 1 (Tingkatan Lima SPM)
- Pada 30 November 2007, Ujian rintis (pilot test) dilaksanakan bersama LCCI dan ACCA. Ujian ini melibatkan 778 orang pelajar. Ujian ini sangat berjaya.
- Fasa 1: 2007 & 2008
- Pilot Projek: dijalankan pada 30 November 2007

Ujian Sumatif / “Top Up” kepada 778 orang pelajar di 147 buah sekolah dan keputusan yang telah diperolehi adalah seperti berikut:

Jadual 1.1
Keputusan Pilot Test 2007

	Calon	Distinction	Kepujian	Lulus	Gagal
Bilangan	778	307	283	102	86
Peratus	100	39.5	36.4	13.1	11

Fasa 1: 2007 & 2008 ACCA telah memberikan 22 722 orang pelajar pengecualian bagi kertas 1 peringkat CAT, ACCA

- Pada 27 Februari 2008 Jawatankuasa Pemandu Semak Semula Kurikulum Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Sekolah Menengah Bil.2/2008, BKTV, JPT telah menerima dan mengesahkan sukatan pelajaran Prinsip Perakaunan semak semula untuk dilaksanakan.
- Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pusat Kurikulum (CCC) bagi tahun 2008 hanya diadakan pada 4 Ogos 2008. Jabatan Pendidikan Teknikal (JPT) telah